

Musim tengkujuh diramal lebih awal

» 5,068 pusat pemindahan di seluruh negara diletakkan bersiap-sedia

Oleh Hardi Effendi Yaacob
hardi@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Sebanyak 5,068 pusat pemindahan di seluruh negara, dengan kapasiti 1.3 juta mangsa banjir diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga menghadapi musim tengkujuh menjelang akhir tahun ini.

Pada masa yang sama, 480 pangkalan hadapan turut ditempatkan di tujuh negeri, masing-masing 170 di Kelantan diikuti Terengganu (110), Pahang (78), Johor (46), Sabah (23), Sarawak (49) dan Kedah (empat).

Lima depoh simpanan turut ditempatkan di Zon Timur 1 (Kelantan), Zon Timur 2 (Terengganu), Zon Utara (Kedah), Zon Tengah (Selangor) dan Zon Selatan



Mangsa banjir terpaksa menggunakan bot apabila rumah mereka di Kampung Bukit Tadam, Sepang, ditenggelami air.
[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

(Johor) bagi memastikan keperluan berkaitan, khususnya bekalan makanan mencukupi.

Taburan hujan meningkat Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam satu kenyataan memaklumkan musim tengkujuh diramal berlaku lebih awal kali

ini berikutan peningkatan kadar taburan hujan, selain fenomena monsun Timur Laut.

“Selangor, Johor, Melaka dan Perak mula dilanda banjir sejak dua minggu lalu, malah keadaan sama turut dilaporkan mula berlaku di Sarawak sejak awal minggu ini membabitkan beberapa ka-

wasan di Sibul dan Betong.

“Berikutan itu, semua agensi berkaitan diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga dari segi keanggotaan, selain aset darat, air serta udara bagi tujuan misi mencari dan me-

nyelamat,” katanya.

Keperluan di lokasi strategik

Katanya, aset seperti bot penyelamat, trak, kenderaan pacuan empat roda (4X4), pam air, set jana kuasa elektrik sudah ditempatkan di lokasi strategik berhampiran kawasan berisiko banjir untuk digunakan jika perlu.

“Operasi turut membabitkan penggunaan aset Bomba dan Penyelamat (JBPM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan polis bagi memastikan kelancaran pengurusan bencana kali ini,” katanya.

Sementara itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut membangunkan sistem e-JKM bagi mempercepatkan pendaftaran mangsa banjir yang turut dibantu Jabatan Pertahanan Awam Malaysia

(JPAM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM).

“
Musim tengkujuh diramalkan berlaku lebih awal kali ini berikutan peningkatan kadar taburan hujan, selain fenomena monsun Timur Laut”

Sumber